



# PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
2017

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Bukan  
Jawab Lisan [Bertulis] Dewan Rakyat  
Daripada Kementerian-Kementerian**

**24 JULAI HINGGA 10 OGOS 2017**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING  
[PENAMPANG]**

**SOALAN : 301**

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan jika Pemansuhan Kabotaj akan mengurangkan harga kereta, harga barang kegunaan setiap hari (daily goods) dan kos hidup di Sabah dan kenapakah harga-harga di Sabah lebih mahal daripada Semenanjung Malaysia.**

## JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan kajian *National Ports Strategy* yang dijalankan oleh Kerajaan dengan melantik World Bank sebagai juru perunding adalah mendapati bahawa Dasar Kabotaj bukan merupakan faktor dalam peningkatan kos hidup dan harga barangan di Sabah. Hasil kajian tersebut antara lainnya merumuskan bahawa penentuan harga sesuatu barangan di Sabah adalah tertakluk kepada kos keseluruhan di dalam rangkaian pembekalan. Ini termasuk kos pengeluaran, kos perkhidmatan perkapalan (*seaborne freight*), kos logistik dan daratan (*hinterland connectivity*), kos perkhidmatan agen penghantar (*freight forwarders*), kos pergudangan dan agen perniagaan/*wholesale traders*. Berdasarkan kajian yang sama kos perkhidmatan perkapalan hanya mewakili 6% hingga 8% daripada kos keseluruhan sesuatu barangan jualan di Sabah.

Kajian *National Ports Strategy* menyimpulkan bahawa Dasar Kabotaj bukan penyumbang dalam peningkatan kos hidup dan harga barangan di Sabah. Manakala rumusan kajian ini juga adalah konsisten dengan dapatan kajian-kajian yang lalu yang dijalankan oleh Kerajaan berhubung Dasar Kabotaj.